



## **MENGENAI INSITUT SUKAN NEGARA (ISN)**

ISN adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab untuk program penyediaan atlet elit ke arah temasya sukan antarabangsa utama seperti Sukan Olimpik, Kejohanan Dunia, Sukan Asia dan Sukan Komanwel.

ISN berusaha membawa sukan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi menerusi pembangunan amalan sistem berprestasi tinggi yang di tambah baik (Program Podium). ISN kini sedang mencari calon berkelayakkan untuk membangun, mengurus dan melaksanakan program ini. Calon-calon yang mempunyai pengalaman yang sesuai dan berkaitan digalakkan untuk memohon.

## **NAMA JAWATAN: ATHLETIC TRAINER BERTAULIAH**

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- *Athletic Trainer* Bertauliah (ATB) mempunyai kemampuan untuk melaksanakan fungsi mengenai kecederaan *athletic* iaitu pencegahan, penilaian, rawatan (termasuk bantuan dan tindakan kecemasan).
- ATB akan menunjukkan teknik yang betul berkenaan kaedah *taping*, *strapping*, *bracing* dan menyesuaikan peralatan *athletic*.
- ATB akan menjalankan semua rawatan yang dicadangkan dan ditetapkan oleh doktor mengenai pasukan/program/acara.
- ATB akan mengekalkan pensijilan mengikut institusi masing-masing.
- ATB bertanggungjawab memantau pemeriksaan fizikal semasa pra-musim, kejohanan atau perlawanan sukan dan program yang berkaitan di bawah seliaan Pengurus Program.
- ATB perlu menunjukkan pengetahuan mengenai prinsip-prinsip pertumbuhan dan pembangunan dalam tempoh jangka masa yang panjang serta mempunyai keupayaan untuk menilai data-data yang menggambarkan status atlet disamping mentafsir maklumat yang sesuai.

### **KELAYAKAN DAN PENGALAMAN**

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Latihan *Athletic* atau bidang yang berkaitan (contohnya NATA)
- Keutamaan kepada individu yang mempunyai pengalaman 1 atau 2 tahun dalam penetapan Latihan *Athletic*

### **CIRI-CIRI DAN PERSONALITI**

- Kemahiran komunikasi yang baik dalam lingkungan kepelbagaian budaya
- Sentiasa menunjukkan komitmen ke arah pembangunan profesional
- Berupaya bekerja secara berpasukan atau individu
- Mempunyai kepimpinan melalui tauladan

**ANGGARAN GAJI:** Berdasarkan pengalaman dan kelayakkan  
Jika berminat, sila hantar CV terkini kepada [podium@isn.gov.my](mailto:podium@isn.gov.my)